

TARIKH : 9 MAC 2023

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

## Capai sifar bersih karbon 2050

DANA PERMULAAN RM10 JUTA

# Capai sifar bersih karbon 2050

Kuala Lumpur

Kerajaan komited terhadap dana permulaan berjumlah RM10 juta yang berperanan sebagai jaminan permintaan kredit karbon dijanakan Malaysia dan pemula pasaran bagi menyokong usaha negara mencapai matlamat sifar bersih karbon seawal 2050, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, ini memandangkan wujud keperluan untuk menumpukan lagi pelaburan dalam bidang pertumbuhan hijau termasuk teknologi hidrogen, biotena dan mobiliti elektrik – pengupaya pelaksanaan hijau di semua sektor selain menjadi enjin ekonomi pada masa depan.

"Teras dalam penekanan bidang ini untuk memastikan rakyat Malaysia turut meraih manfaat daripada peralihan pengetahuan serta kemahiran teknologi tinggi sambil mengutamakan usaha penyelidikan dan pembangunan," katanya dalam ucapan tama beliau pada program Invest Malaysia 2023 di

sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, aspek itu juga merupakan antara bidang bagi pembangunan lanjut Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang kini dalam proses dibangunkan semula untuk membabitkan penyertaan sektor swasta secara lebih ketara manakala akademik konvensional pula menyokong usaha memperkemas silibus universiti.

"Saya berharap projek dalam bidang ini akan berkembang kepada satu tahap yang membolehkan mereka memanfaatkan Pasaran Karbon Sukarela Malaysia di bawah kendalian Bursa Malaysia," katanya. Anwar juga menyifatkan Bursa Carbon Exchange (BCX) yang dilancarkan pada Disember lalu sebagai pemangkin utama ke arah mencapai masa depan sifar bersih.

Malah, ini juga merupakan bursa pertama dunia yang menerima perakuan Syariah bagi Bursa Karbon. "Perniagaan hijau bukan setakat penting bagi kemampuan ekonomi, tetapi juga bagi semua kehidupan serta kualiti berkaitan. "Malaysia adalah sebuah negara yang diberkati, rumah yang turut menempat-



ANWAR pada program Invest Malaysia 2023, semalam. - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH

kan beberapa hutan hujan tertua dunia manakala laut kita juga diiktiraf sebagai salah satu lubuk takungan biodiversiti terkaya dunia. Ini semua adalah aset semula jadi anugerah Tuhan dan melindungi serta mengurni harganya adalah sesuatu yang perlu dilakukan. "Dari segi aset, kita perlu membangunkan sendiri bi-

dang ini. (Misalnya) menerusi Bank Negara Malaysia, kita akan menyediakan kewangan bagi menyokong syarikat permulaan teknologi hijau selain turut membantu perusahaan kecil dan sederhana melaksanakan amalan karbon rendah," kata beliau. Mengulas bentuk sokongan dalam bidang tersebut, Anwar berkata, ini termasuk

Skim Pembiayaan Teknologi Hijau, Elaun Cukai Pelaburan dan Pengecualian Cukai Pendapatan bagi aktiviti layak.

Beliau berkata, dalam membicarakan masa depan alam sekitar dari segi kepentingan untuk bumi serta kualiti hidup sebagai prinsip pemacu, adalah wajar bagi pembangunan serta sokongan lanjut menerusi kewa-

ngan Islam bidang yang menyaksikan Malaysia semanginya diiktiraf sebagai peneraju global.

"Kerajaan komited meningkatkan lagi ekosistem kewangan Islam agar ia dapat menjadi pemacu perubahan masyarakat yang sebenar khususnya menerusi pengoptimuman wakaf," katanya.

**“Penekanan bidang untuk pastikan rakyat Malaysia turut raih manfaat”**  
Anwar Ibrahim